

## FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQ) - DISCONTINUATION OF CIMB ENRICH CREDIT CARDS

Note: This FAQ (version dated 22 July 2022) is subject to revision by CIMB Bank Berhad. We will update the FAQ as and when there are new developments from time to time. Please refer to Important Notices [here](#).

### Section A - General Information

#### 1. Why is the CIMB Enrich Credit Card ('CIMB Enrich Card') being discontinued?

The collaboration between CIMB Bank Berhad ('CIMB') and Malaysia Airlines Berhad ('Malaysia Airlines') with regards to the CIMB Enrich Card has ended. With that effective 1 July 2022, we have discontinued the issuance of new cards for the following CIMB Enrich Card types:

- CIMB Enrich Platinum Credit Card
- CIMB Enrich World Credit Card
- CIMB Enrich World Elite Credit Card

#### 2. Can I still apply for a new CIMB Enrich Card?

The three (3) CIMB Enrich Cards mentioned in Q1, will not be available for new applications. Please visit our website [here](#) to find out more on other CIMB Credit Cards.

### Section B - Existing CIMB Enrich Card Cardholders

#### 3. I am currently holding a CIMB Enrich Card, what happens now?

You can continue using your existing CIMB Enrich Card as usual and continue to enjoy existing benefits. Please refer to [Section D](#) for all the existing benefits of this card.

We will be sending out a communication in September 2022 to notify you on when to expect your new CIMB Mastercard Credit Card ('CIMB Mastercard') which will replace the CIMB Enrich Card. We will also share the new benefits and associated details on your card conversion.

#### 4. Can I still earn Bonus Miles using my existing CIMB Enrich Card during this transition period?

**(Transition period: Period from now till the launch of the new CIMB Mastercard that will be communicated to you in September 2022)**

Yes. During this transition period, you will continue to earn Bonus Miles when you spend on your existing CIMB Enrich Card. Redemption from Bonus Miles to Enrich Points is still based on the current conversion rate mentioned in CIMB Member Rewards Catalogue 2022/23 Edition. If you have any Bonus Miles expiring during this transition period, you can redeem your Bonus Miles at our website [here](#). Please be informed, that the **value of your Bonus Miles will be maintained after we convert your CIMB Enrich Card to the new CIMB Mastercard**. We will communicate the new conversion benefits to you in September 2022.

#### 5. I have existing outstanding balances, auto-pay, auto-billing, installments and/or Zing Card in the current CIMB Enrich Card, what will happen during the conversion?

In order to facilitate a smooth conversion from your existing CIMB Enrich Card to the new CIMB Mastercard, we will maintain the same credit card number. With this there should be no changes to outstanding balances or existing installment products on your cards. For payment services (auto-billing, recurring transactions), there should be minimal disruptions. However, we do urge you to always check and monitor all your retail or recurring transactions via CIMB Clicks or via your monthly credit card statements. Do contact us if you detect any abnormalities.

#### 6. I am using my CIMB Enrich Card for e-wallet payment/top-up/auto-reload, what will happen during the conversion?

You can continue to use your CIMB Enrich Card for your e-wallet payment/top-up/auto-reload until you receive your new CIMB Mastercard. Once you receive your new CIMB Mastercard, please activate via SMS and re-register your card in your respective e-wallets.

#### 7. When will I receive the new CIMB Mastercard?

We will communicate this in September 2022. The replacement of your CIMB Enrich Card to the new CIMB Mastercard will be done in stages and will complete by December 2022.

**8. Will my supplementary cardholder(s) receive a new CIMB Mastercard?**

Yes, your supplementary cardholder(s) will also receive a new CIMB Mastercard.

**9. What if my existing CIMB Enrich Card expires prior to the conversion?**

If your CIMB Enrich Card expires prior to the conversion, we will renew your CIMB Enrich Card(s) to minimize any usage disruption. The new CIMB Mastercard will be delivered to you from October 2022 onwards.

**10. I plan to cancel my CIMB Enrich Card and apply for another CIMB Credit Card.**

If you wish to apply for another CIMB Credit Card that is more suitable to your lifestyle, do visit our website [here](#) and explore the different credit cards that we offer. Upon receiving your new credit card, you may proceed to cancel your CIMB Enrich Card.

### Section C - Malaysia Airlines Golden Lounge Access & Enrich Membership

**11. What will happen to my existing Malaysia Airlines Golden Lounge access?**

- For CIMB Enrich Platinum Credit Card & CIMB Enrich World Credit Card - You can use your Malaysia Airlines Golden Lounge e-vouchers until 31 December 2022 by presenting your e-voucher together with your CIMB Enrich Card. Upon conversion to the new CIMB Mastercard, you will enjoy new lounge access benefits. More details will be communicated to you in September 2022.
- For CIMB Enrich World Elite Credit Card – You will continue to enjoy unlimited lounge access until 31 December 2022 by presenting your CIMB Enrich World Elite Credit Card. Upon conversion to the new CIMB Mastercard, you will enjoy new lounge access benefits. More details will be communicated to you in September 2022.

**12. What will happen to my Enrich membership, will it be impacted?**

Your Enrich Membership will continue to be valid, you can continue to redeem Enrich Points using the same Enrich Membership ID.

### Section D - Existing CIMB Enrich Card Benefits

No	Type of Benefits	CIMB Enrich World Elite	CIMB Enrich World	CIMB Enrich Platinum
1	Bonus Miles Earn Rate	1 Bonus Mile <sup>1</sup> : RM1.00 overseas spend 1 Bonus Mile <sup>1</sup> : RM2.00 local spend	1 Bonus Mile : RM1.50 overseas spend 1 Bonus Mile : RM3.00 local spend	1 Bonus Mile : RM4.00 overseas and local spend
2	Bonus Miles Redemption Rate	1 Bonus Mile = 1 Enrich Point		
3	Travel Rewards	<ul style="list-style-type: none"> <li>1.5 Enrich Points : RM1 spend on Malaysia Airlines online flights bookings</li> <li>No additional mark up<sup>2</sup> on currency exchange for overseas spend</li> </ul>	N/A	N/A
4	Travel Insurance Coverage	Up to USD 500,000	Up to RM1 million	Up to RM1 million
5	Malaysia Airlines Golden Lounge Access	Unlimited access – Valid till 31 December 2022	Access with Malaysia Airlines Golden Lounge e-vouchers earned via spend program earlier – The vouchers are valid till 31 December 2022.	

<sup>1</sup>If you continue to spend after you have earned 150,000 Bonus Miles, you will get 1 Bonus Mile for every RM4 spent for both local and overseas.

<sup>2</sup>Not applicable to Dynamic Conversion (DCC)

**Note: All the above 1 to 4 benefits will be valid until the launch of the new CIMB Mastercard which will be communicated in September 2022.**

## SOALAN LAZIM (FAQ) – PENAMATAN KAD KREDIT CIMB ENRICH

Nota: Soalan lazim ini (versi bertarikh 22 Julai 2022) adalah tertakluk kepada perubahan oleh CIMB Bank Berhad. Kami akan mengemas kini soalan lazim ini apabila terdapat perkembangan baru dari semasa ke semasa. Sila rujuk Notis Penting di [sini](#).

### Bahagian A - Informasi Umum

#### 1. Mengapakah Kad Kredit CIMB Enrich ('Kad CIMB Enrich') akan ditamatkan?

Kolaborasi antara CIMB Bank Berhad ("CIMB") dan Malaysia Airlines Berhad ('Malaysia Airlines') berhubung dengan Kad Kredit CIMB Enrich telah ditamatkan. Dengan itu mulai 1 Julai 2022, kami telah menghentikan pengeluaran Kad Kredit CIMB Enrich yang berikut:

- Kad Kredit CIMB Enrich Platinum
- Kad Kredit CIMB Enrich World
- Kad Kredit CIMB Enrich World Elite

#### 2. Adakah saya boleh memohon Kad CIMB Enrich yang baharu?

Tiga (3) Kad CIMB Enrich yang dinyatakan di soalan 1, tidak lagi dibenarkan untuk permohonan baharu. Sila layari lawan web di [sini](#) untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Kad-kad Kredit CIMB yang lain.

### Bahagian B - Pemegang Kad CIMB Enrich Sedia Ada

#### 3. Saya adalah pemegang Kad CIMB Enrich, apakah yang bakal berlaku sekarang?

Anda boleh terus menggunakan Kad CIMB Enrich anda yang sedia ada seperti biasa. Kesemua kemudahan sedia ada akan diteruskan seperti biasa. Sila rujuk ke [Bahagian D](#) untuk kemudahan-kemudahan sedia ada kad ini.

Kami akan memaklumkan kepada anda pada bulan September 2022 sebagai pemberitahuan bagi penerimaan kad kredit baharu CIMB Mastercard ('**CIMB Mastercard**'). Kami juga akan berkongsi faedah-faedah baru beserta maklumat terperinci berkenaan penukaran kad anda.

#### 4. Bolehkah saya mendapat *Bonus Miles* menggunakan Kad CIMB Enrich di dalam tempoh peralihan sekarang? (Tempoh peralihan: Tempoh dari sekarang sehingga pelancaran kad CIMB Mastercard baharu yang akan dimaklumkan pada bulan September 2022)

Ya. Semasa tempoh peralihan, anda akan terus mendapat *Bonus Miles* apabila berbelanja menggunakan Kad CIMB Enrich sedia ada. Penebusan dari *Bonus Mile* ke *Enrich Points* masih berdasarkan kadar penukaran semasa yang terdapat di dalam katalog CIMB Member Rewards Edisi 2022/23. Jika anda mempunyai sebarang *Bonus Miles* yang akan tamat tempoh ketika tempoh peralihan ini, anda boleh menebus *Bonus Miles* di laman web di [sini](#). Sila ambil perhatian bahawa nilai *Bonus Miles* anda adalah dikekalkan selepas kami menukarkan Kad CIMB Enrich anda ke kad CIMB Mastercard yang baharu. Kami akan memaklumkan tentang penukaran faedah-faedah yang baharu pada bulan September 2022.

#### 5. Saya mempunyai baki tertunggak, *auto-pay*, *auto-billing*, ansuran dan/atau Kad Zing dalam Kad CIMB Enrich sedia ada saya, apakah yang akan berlaku apabila penukaran kad dilakukan?

Kad baru CIMB Mastercard anda akan menggunakan nombor kad kredit yang sama seperti Kad CIMB Enrich anda. Tiada sebarang gangguan terhadap baki tertunggak atau produk ansuran bulanan yang telah dilakukan sebelum ini. Bagi perkhidmatan pembayaran (*auto-billing*, urusan berulang) berkemungkinan terdapat gangguan yang minima. Tetapi, anda dinasihatkan untuk sentiasa memantau kesemua transaksi runcit atau urusan berulang anda menggunakan CIMB Clicks atau penyata bulanan kad kredit anda. Sila hubungi kami jika anda mengesan sebarang kelainan.

**6. Saya menggunakan Kad CIMB Enrich saya untuk pembayaran *e-wallet*/ tambah nilai/ muat semula automatik, apa yang akan berlaku ketika penukaran kad ini?**

Anda boleh terus menggunakan Kad CIMB Enrich anda bagi tujuan pembayaran *e-wallet*/ tambah nilai/ muat semula automatik sehingga anda menerima kad CIMB Mastercard yang baharu. Apabila anda telah menerima kad baharu CIMB Mastercard anda, sila aktifkan melalui SMS dan daftar semula kad tersebut dengan pengendali *e-wallet* masing-masing.

**7. Bilakah saya akan menerima kad CIMB Mastercard yang baharu?**

Kami akan memaklumkan kepada anda pada September 2022. Penggantian Kad CIMB Enrich kepada kad CIMB Mastercard akan dilakukan secara berperingkat dan akan dilengkapkan pada Disember 2022.

**8. Adakah pemegang kad tambahan saya akan menerima Kad CIMB Mastercard yang baharu?**

Ya, pemegang kad tambahan anda juga akan menerima Kad CIMB Mastercard yang baharu.

**9. Bagaimanakah jika Kad CIMB Enrich saya yang sedia ada tamat tempoh sebelum menerima kad CIMB Mastercard baharu saya?**

Jika Kad CIMB Enrich anda tamat tempoh sebelum penggantian, kami akan memperbaharui Kad CIMB Enrich untuk meminimalkan sebarang gangguan penggunaan. Kad CIMB Mastercard baru anda akan dikirimkan kepada anda bermula bulan Oktober 2022

**10. Saya bercadang untuk membatalkan Kad CIMB Enrich saya dan memohon Kad Kredit CIMB yang lain.**

Jika anda bercadang untuk memohon Kad Kredit CIMB yang lain yang bersesuaian dengan gaya hidup anda, sila ayari laman web di [sini](#) dan dapatkan maklumat berkenaan kad kredit lain yang kami tawarkan. Apabila anda menerima kad kredit baru yang anda ingini, anda bolehlah membatalkan Kad CIMB Enrich anda.

### Bahagian C - Akses Malaysian Airlines Golden Lounge dan Keahlian Enrich

**11. Apakah yang berlaku kepada akses Malaysia Airlines Golden Lounge sedia ada saya?**

- Pemegang Kad Kredit CIMB Enrich Platinum & Kad Kredit CIMB Enrich World – Anda masih boleh menggunakan e-baucar Malaysia Airlines Golden Lounge anda sehingga 31 Disember 2022, sila sertakan e-baucar bersama Kad CIMB Enrich untuk akses masuk ke Malaysia Airlines Golden Lounge. Selepas pemberitahuan mengenai CIMB Mastercard yang baharu, anda akan menikmati akses *lounge* baharu. Maklumat lanjut akan dimaklumkan kepada anda pada bulan September 2022.
- Pemegang Kad Kredit CIMB Enrich World Elite – Anda akan terus menikmati akses *lounge* tanpa had sehingga 31 Disember 2022 dengan menunjukkan Kad CIMB Enrich World Elite anda. Selepas pemberitahuan mengenai CIMB Mastercard yang baharu, anda akan menikmati akses *lounge* baharu. Maklumat lanjut akan dimaklumkan kepada anda pada bulan September 2022.

**12. Apakah yang akan jadi dengan keahlian Enrich saya, adakah ianya akan menerima impak?**

Keahlian Enrich anda akan tetap sah. Anda boleh terus menggunakan Enrich ID yang sama untuk mengumpul or tebus *Enrich Points*.

## Bahagian D - Existing CIMB Enrich Card Benefits

No	Jenis-Jenis Faedah	CIMB Enrich World Elite	CIMB Enrich World	CIMB Enrich Platinum
1	Kadar <i>Bonus Miles</i>	1 <i>Bonus Mile</i> <sup>1</sup> : RM1.00 perbelanjaan luar negara 1 <i>Bonus Mile</i> <sup>1</sup> : RM2.00 perbelanjaan dalam negara	1 <i>Bonus Mile</i> : RM1.50 perbelanjaan luar negara 1 <i>Bonus Mile</i> : RM3.00 perbelanjaan dalam negara	1 <i>Bonus Mile</i> : RM4.00 perbelanjaan luar dan dalam negara
2	Kadar Penebusan <i>Bonus Miles</i>	1 <i>Bonus Mile</i> = 1 <i>Enrich Point</i>		
3	Ganjaran Pelancongan	<ul style="list-style-type: none"> <li>1.5 <i>Enrich Points</i> : RM1 perbelanjaan dalam talian di Malaysia Airlines untuk tempahan penerbangan</li> <li>Tiada penambahan harga<sup>2</sup> untuk perbelanjaan luar negara.</li> </ul>	N/A	N/A
4	Perlindungan Insuran Perjalanan	Sehingga USD 500,000	Sehingga RM1 Juta	Up to RM1 Juta
5	Akses Malaysia Airlines Golden Lounge	Akses tanpa had – sehingga 31 Disember 2022	Akses dengan Malaysia Airlines Golden Lounge e- baucar yang diperolehi melalui program perbelanjaan terdahulu – Baucar adalah sah sehingga 31 Disember 2022.	

<sup>1</sup>Jika anda berbelanja selepas memperolehi 150,000 *Bonus Miles*, anda akan mendapat 1 *Bonus Miles* bagi setiap RM4 perbelanjaan di dalam dan luar negeri.

<sup>2</sup>Tidak digunakan untuk Penukaran Dinamik (DCC)

**Nota:** Kesemua ganjaran-ganjaran dari 1-4 di atas adalah sah sehingga pelancaran CIMB Mastercard yang baharu yang akan dimaklumkan kelak di bulan September 2022.